

Oleh : DATUK SERI SYED HAMID ALBAR
Tempat : KEMENTERIAN LUAR NEGERI
Tarikh : 30 JUN 2003
Tajuk : UCAPAN SEMPENA MAJLIS HARI ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG 2003

BISMILLAHIRAHMANNIRRAHIM

ASSALAMUWARAHMATULLAHIWABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

YANG BERHORMAT Y. BHG. DATUK DR. LEO MICHAEL TOYAD

YANG BERBAHAGIA TAN SRI AHMAD FUZI BIN HJ. ABDUL RAZAK, KETUA
SETIAUSAHA KEMENTERIAN LUAR NEGERI

TAN SRI- TAN SRI , DATO'-DATO', DATIN, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN HADIRIN
SEKALIAN.

ALHAMDULILLAH, MARILAH SAMA-SAMA KITA MEMANJATKAN KESYUKURAN KE
HADRAT ALLAH S.W.T KERANA DENGAN KEIZINANNYA DAPAT KITA BERSAMA-SAMA
BERADA DI DALAM AUDITORIUM PADA PAGI INI UNTUK MENYEMPURNAKAN MAJLIS
ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG BAGI TAHUN 2003 .

TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN DI SINI UNTUK
MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH DAN SYABAS KEPADA 78 ORANG
PENERIMA ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG 2002. PENGANUGERAHAN KALI INI
BERBEZA SEDIKIT DENGAN AMALAN SEBELUM INI DI MANA KERAJAAN TELAH
MENGGARISKAN KAEDAH BARU SELARI DENGAN PELAKSANAAN SISTEM SARAAAN
MALAYSIA MELALUI PEKELILING KEMAJUAN PENTADBIRAN AWAM BIL. 2 TAHUN
2002 MENGENAI GARIS PANDUAN PEMBERIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN
CEMERLANG ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM YANG BERKUATKUASA MULAI 1
JANUARI 2003.

MELALUI KAEDAH BARU INI, ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG YANG
DILAKSANAKAN TIDAK LAGI DIKAITKAN DENGAN PERGERAKAN GAJI SECARA
MENEGAK DAN MELINTANG SEPERTI YANG DILAKSANAKAN SISTEM SARAAAN BARU
(SSB). KINI DI BAWAH SISTEM SARAAAN MALAYSIA PENERIMA ANUGERAH
PERKHIDMATAN CEMERLANG AKAN MENERIMA SIJIL PERKHIDMATAN CEMERLANG,
HADIAH PRESTASI SEBANYAK RM1,000.00, PELUANG DAN KEUTAMAAN UNTUK
KEMAJUAN KERJAYA, DIBERI KEUTAMAAN BAGI PENCALONAN PENERIMA PINGAT
DAN ANUGERAH KEBESARAN DAN AKHIR SEKALI GAMBAR MEREKA AKAN
DIPAMERKAN DI TEMPATKAN YANG STRATEGIK.

SAUDARA DAN SAUDARI

SESUNGGUHNYA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG INI ADALAH SATU PENGIKTIRAFAN KEPADA SAUDARA-SAUDARI DI MANA IA MERUPAKAN TANDA PENGHARGAAN PIHAK KEMENTERIAN DI ATAS SUMBANGAN CEMERLANG SAUDARA-SAUDARI KEPADA NEGARA AMNYA DAN KEPADA KEMENTERIAN KHUSUSNYA. SAYA BERHARAP ANUGERAH YANG SAUDARA-SAUDARI TERIMA PADA PAGI INI AKAN MENDORONG SAUDARA-SAUDARI UNTUK TERUS BERUSAHA DENGAN LEBIH CEMERLANG LAGI PADA MASA AKAN DATANG. PENGIKTIRAFAN KE ATAS SAUDARA-SAUDARI SEBAGAI PEKERJA CEMERLANG AKAN MENDORONG ANGGOTA-ANGGOTA LAIN MENGIKUT JEJAK LANGKAH KEJAYAAN SAUDARA SAUDARI UNTUK BERKHIDMAT DENGAN PENUH DEDIKASI KE ARAH KECEMERLANGAN DEMI UNTUK NEGARA DAN BANGSA .

DI SINI JUGA SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN UNTUK MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI TERIMA KASIH KEPADA SEMUA WARGA WISMA PUTRA YANG SECARA KESELURUHANNYA TELAH MENUNJUKKAN PRESTASI KERJA YANG SUNGGUH MEMBANGGAKAN. INI TERBUKTI SEMASA KITA MENGADAKAN SIDANG KEMUNCAK NAM PADA BULAN FEBRUARI LALU. SESUNGGUHNYA KHIDMAT BAKTI DAN SUMBANGAN YANG DICURAHKAN OLEH SAUDARA-SAUDARI MEMANG TIDAK TERNILAI HARGANYA. TANPA SUMBANGAN SAUDARA-SAUDARI SEMUA, RAKAN-RAKAN KITA YANG MENERIMA ANUGERAH PADA HARI INI MUNGKIN TIDAK DAPAT MENJALANKAN TUGAS MEREKA DENGAN CEMERLANG.

SAUDARA DAN SAUDARI

SEBAGAIMANA SAUDARA-SAUDARI SEDIA MAKLUM, KERAJAAN TELAH MEMPERKENALKAN SISTEM SARAAN MALAYSIA DI MANA IA ADALAH USAHA KERAJAAN UNTUK MENINGKATKAN KEBERKESANAN PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BERSESUAIAN DENGAN KEPERLUAN MEWUJUDKAN PEKERJA BERILMU DAN BERKEMAHIRAN YANG BERDAYA SAING, BERDAYA TAHAN DAN BERDAYA MAJU. IA JUGA DIHARAP DAPAT MEMASTIKAN PERKHIDMATAN AWAM KEKAL, RELEVAN DAN MAMPU MELAKSANAKAN PERANANNYA DENGAN BERKESAN SERTA BERUPAYA MENGHADAPI KEPERLUAN DAN CABARAN SEMASA. SELAIN ITU IA JUGA BERTUJUAN UNTUK MENANGANI EKSPEKTASI PELANGGAN YANG SENTIASA MENINGKAT DAN MEMASTIKAN PERKHIDMATAN AWAM DIANGGOTAI OLEH ANGGOTA YANG BERINTEGRITI DAN MEMPUNYAI AKAUNTABILITI YANG TINGGI SELARAS DENGAN KEPERLUAN "GOOD GOVERNANCE" YANG MENEKANKAN PENGURUSAN YANG CEKAP , TELUS, ADIL DAN BERKESAN.

DI DALAM PELAKSANAAN SISTEM SARAAN MALAYSIA INI, SAUDARA-SAUDARI BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP DIRI SAUDARA-SAUDARI SENDIRI, DI MANA KOMPETENSI DIRI SAUDARA-SAUDARI AKAN MENJADI PENENTU KEPADA ANJAKAN GAJI DAN KERJAYA MASA DEPAN SAUDARA-SAUDARI. OLEH ITU SAUDARA-SAUDARI PERLU MENINGKATKAN PEMBANGUNAN DIRI MELALUI PEMBELAJARAN BERTERUSAN, MENINGKATKAN PENGETAHUAN , KEMAHIRAN , KREATIVITI DAN BERINOVASI.

SAUDARA DAN SAUDARI

TAHUN 2003 MERUPAKAN TAHUN YANG BEGITU PENTING KEPADA KITA DI MANA BEGITU BANYAK AGENDA DAN PERANCANGAN YANG PERLU KITA LAKSANAKAN. BERMULA FEBRUARI LALU, KITA TELAH BERJAYA MENGADAKAN SIDANG KEMUNCAK NAM YANG KE 13 DENGAN CEMERLANG . NAMUN DEMIKIAN, ITU MERUPAKAN HANYA PERMULAAN PERJUANGAN KITA UNTUK MENGEMBALIKAN KEPENTINGAN NAM KEPADA MASYARAKAT ANTARABANGSA. PADA OKTOBER PULA , KITA AKAN MENJADI TUAN RUMAH SIDANG KEMUNCAK OIC KE 10. SEKALI LAGI KITA DIPERTANGGUNGJAWABKAN UNTUK MEMASTIKAN IMEJ MALAYSIA BERADA DI PERINGKAT TERTINGGI DI PERSADA ANTARABANGSA DI MANA SIDANG TERSEBUT PERLU DI LAKSANAKAN DENGAN JAYANYA . INI TIDAK TERMASUK TANGGUNGJAWAB KITA DI PERSIDANGAN PBB, ASEAN , ARF DAN LAIN-LAIN LAGI. INGIN SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN DI SINI JUGA, UNTUK BERKONGSI SATU KEJAYAAN YANG MENGGALAKKAN TELAH DI CAPAI PADA AWAL TAHUN LALU DI MANA KITA TELAH MENERIMA PERSIJILAN MS ISO 9002. INI JELAS MENUNJUKKAN KEMENTERIAN BEGITU KOMITED UNTUK MENGHASILKAN KERJA YANG BERKUALITI. KEMENTERIAN KINI SEDANG BERUSAHA UNTUK MENINGKATKAN TARAF SIJIL DAN CUBA MELUASKAN SKOP PERSIJILAN BERKENAAN.

SAUDARA DAN SAUDARI,

SESUNGGUHNYA KITA SEMUA MEMPUNYAI TANGGUNGJAWAB DAN PERLU MENUNAIKAN TANGGUNGJAWAB TERSEBUT. BEGITULAH JUGA DENGAN ORGANISASI KITA, KEMENTERIAN LUAR NEGERI. MESKIPUN ORGANISASI KITA TERDIRI DARIPADA PELBAGAI PERINGKAT DAN PANGKAT, NAMUN KESEMUA KITA MEMPUNYAI SATU TANGGUNGJAWAB UNTUK MEMBAWA KEMENTERIAN LUAR NEGERI KE MERCU KEJAYAAN YANG LEBIH GEMILANG. SAYA BERHARAP KITA SEMUA DAPAT MENANAMKAN TEKAD DAN BUKTIKAN BAHAWA KITA BOLEH MEMBERIKAN YANG TERBAIK UNTUK MANFAAT AGAMA, BANGSA, DAN NEGARA. SIAPA LAGI, KALAU BUKAN KITA SENDIRI YANG BERUSAHA DAN MELAKUKANNYA.

DI DALAM ERA DIGITAL YANG PENUH CABARAN INI, HARAPAN KEBERKESANAN PERKHIDMATAN AWAM DI KALANGAN RAKYAT TERLALU TINGGI. PERANAN PERKHIDMATAN AWAM KINI JAUH BERUBAH, RAKYAT HANYA MAHU MELIHAT YANG TERBAIK DARIPADA PERKHIDMATAN AWAM. KINI KITA BUKAN LAGI TEMPAT UNTUK DITUDING JARI DI ATAS KELAMBATAN ATAUPUN MASALAH TETAPI KITA ADALAH PENYELESAI MASALAH. PERKARA INI BUKAN DATANG BERGOLEK TETAPI IA DATANG DARI SAUDARA-SAUDARI SEKALIAN. SAUDARA-SAUDARI TELAH MEMBUDAYAKAN ETIKA KERJA CEMERLANG. SAUDARA-SAUDARI HARUS MENGEKALKAN SIKAP POSITIF INI BAGI MENEMPUH CABARAN YANG MENDATANG. SIKAP-SIKAP POSITIF INI SEMUA ADALAH SELARAS DENGAN SARANAN PEMANGKU PERDANA MENTERI BARU-BARU INI YANG TELAH MENGETENGAHKAN LIMA PRINSIP UTAMA BAGI SETIAP KAKITANGAN PERKHIDMATAN AWAM UNTUK BERKHIDMAT DENGAN LEBIH EFISYEN DAN EFEKTIF. PRINSIP-PRINSIP TERSEBUT ADALAH:

1. PERKHIDMATAN AWAM TIDAK BOLEH LANGSUNG BERTOLAK ANSUR TERHADAP PRESTASI YANG RENDAH, SAMA ADA DI KALANGAN PAGAWAI KANAN ATAU BAWAHAN.
2. KAKITANGAN AWAM HARUS BEKERJA KERAS MELAKSANAKAN SEMUA STRATEGI DAN DASAR KERAJAAN KHUSUSNYA YANG BERTUJUAN MERANGSANG EKONOMI NEGARA.
3. MEMENTINGKAN KETERTIBAN DAN KEBERSIHAN.
4. MENGUTAMAKAN PELANGGAN; DAN
5. MEMPUNYAI EITKA KERJA YANG BAIK.

KELIMA-LIMA PRINSIP INI JIKA DIPRAKTIKKAN SECARA KESELURUHANYA IA PASTI DAPAT MEMBAWA SAUDARA-SAUDARI SEKALIAN KE ARAH KECEMERLANGAN KERANA IA MERUPAKAN TERAS PENTING KEPADA SETIAP KAKITANGAN DI SESEBUAH ORGANISASI. NAMUN DEMIKIAN SUKA SAYA MENINGATKAN BAHAWA KECEMERLANGAN TERSEBUT HENDAKLAH DISERTAKAN DENGAN SAHSIAH DIRI DAN MORAL YANG TERPUJI, DARI ITU KITA BUKAN SAHAJA PERLU MENCORAK KECEMERLANGAN DI TEMPAT KERJA , TETAPI JUGA HARUS DAPAT MEWUJUDKAN KELUARGA, MASYARAKAT DAN NEGARA YANG CEMERLANG. SAUDARA-SAUDARI SEKALIAN

DIKESEMPATAN INI INGIN SAYA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA PIHAK PENGANJUR DAN KEPADA SEMUA PIHAK YANG MEMBANTU DAN TERLIBAT SAMA ADA SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG DENGAN MENJAYAKAN MAJLIS INI. SAMA-SAMALAH KITA BERDOA DAN MEMOHON RESTU DARI ALLAH SUBHANAHU WATAALA AGAR DIBERI PETUNJUK, KEBIJAKSANAAN, KEKUATAN DAN KECEKALAN UNTUK TERUS MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB YANG DIBERI DENGAN SEMPURNA DAN CEMERLANG .

SEKIAN, TERIMA KASIH.

WASSALAM.